

BAB VII

KESALAHAN-KESALAHAN PILIHANRAYA

Sesuatu sistem pilihanraya yang baik ialah sistem pilihanraya yang sesuai dengan kehendak sesuatu negeri yang mengamalkannya itu. Pentadbiran dan perancangan yang baik adalah menjamin kelicinan perjalanan sesuatu pilihanraya. Selain daripada itu adalah perlu untuk menjamin sesuatu pilihanraya itu dijalankan dengan suci. Pilihanraya yang suci ialah pilihanraya yang mana tiap-tiap orang pengundi dapat memberikan undinya kepada seseorang calon dengan suka hatinya sendiri. Segala taktik-taktik dan helah-holah yang berdasarkan kepada wang ringgit, ikatan budi dan ugutan mestilah diharamkan oleh undang-undang. Jika dibiarkan, taktik-taktik koji ini akan merosakan sesuatu sistem pilihanraya yang diamalkan itu. Ini akan cuma menjadikan pilihanraya itu sebagai sesuatu yang kosong dan tidak memberi erti langsung. Oleh kerana itulah perlu ada batasan undang-undang mengenai hal ini, sebagaimana dengan amalan demokrasi itu sendiri, perlu ada batasan kebebasan supaya demokrasi itu tidak pula membunuh demokrasi sendiri.

Apa yang perlu dipertahankan ialah kebebasan pengundi untuk membuat pilihan tanpa ada paksaan atau pengaruh mana-mana pihak-pihak. Pengundi hendaklah diberi peluang membuat pilihan secara rasional. Pengundi hendaklah bebas daripada paksaan secara terang-terangan, pengaruh ugutan ataupun fasuah. Kekuatan dan kekayaan janganlah sampai menjadi alat yang boleh mempengaruhi kebebasan pengundi. Perlulah ada undang-undang yang boleh membuat sekatan dalam perkara ini.

Di Malaysia ada undang-undang yang dibuat yang mengharankan segala taktik-taktik kotor dan salah dalam sesuatu pilihanraya.

Undang-undang ini dinamakan Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954.⁴⁹ Akta ini adalah dibuat menurut peruntukan Seksyen 16(2)(o) Akta Pilihanraya, 1958.⁵⁰ Ia adalah untuk menghalang kesalahan-kesalahan pilihanraya amalan rasuah dan amalan-amalan salah pada masa sesuatu pilihanraya itu. Selain daripada itu ia juga memperuntukan perlantikan ejen pilihanraya, mengawal perbelanjaan pilihanraya dan rayuan-rayuan pilihanraya.

Kesalahan Pilihanraya

Menurut Seksyen 3(1) Akta Kesalahan Pilihanraya, apa yang dikatakan sebagai Kesalahan Pilihanraya ialah:

- 1) Dengan mengetahui membuat kenyataan palsu mengenai permohonan pendaftaran pengundi;
- 2) Memalsukan kertas penamaan atau dengan niat hendak menipu, telah merosak atau membinasakan kertas penamaan atau telah menyerahkan kertas penamaan yang dia tahu pada halnya telah dipalsukan;
- 3) Memalsukan atau meniru atau dengan niat hendak menipu telah merosakan atau membinasakan kertas undi atau tanda rasmi yang ada pada kertas undi itu;

⁴⁹ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Laws of Malaysia Act 5 (disemak 1969), Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1971.

⁵⁰ Akta Pilihanraya 1958, (disemak 1970) Laws of Malaysia Act 19, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, 1970.

- 4) Dengan tidak mempunyai kuasa telah memberi kertas undi kepada seseorang;
- 5) Menjual atau menjaja atau membeli atau bersedia hendak membeli kertas undi;
- 6) Memiliki kertas undi yang sudah ditandakan dengan resmi, pada hal ia tidak berhak untuk memilikinya;
- 7) Menaruhkan ke dalam peti undi benda-benda atau kertas undi yang lain daripada kertas undi yang hanya dibenarkan oleh undang-undang;
- 8) Dengan tidak mempunyai kuasa telah membawa kertas undi keluar daripada tempat mengundi, atau telah didapati kertas undi ada dalam miliknya diluar tempat itu;
- 9) Dengan tidak mempunyai kuasa telah membinasakan, mengambil atau membuka dengan apa-apa jalan sekalipun telah mengusikan peti undi, atau bungkusan-bungkusan kertas undi yang sedang diguna atau hendak digunakan untuk mana-mana pilihanraya;
- 10) Dengan tidak mempunyai kuasa telah mengecapkan kertas undi atau kertas yang boleh dijadikan atau digunakan sebagai kertas undi dalam sesuatu pilihanraya;
- 11) Untuk maksud pilihanraya, telah membuat atau membawa masuk ke dalam Persekutuan apa-apa perkakas, alat atau rekaan yang boleh digunakan untuk mengeluarkan atau mengusikkan kertas undi yang telah dimasukan ke dalam peti undi pada ketika mengundi dalam sesuatu pilihanraya atau ada dalam miliknya perkakas, alat atau rekaan itu, atau telah mengadu, mengguna atau menyuruh supaya perkakas, alat atau rekaan itu dibuat, dibawa masuk kedalam Persekutuan diadakan atau digunakan;

- 12) Mengundi dalam sesuatu pilihanraya, pada hal ianya tidak berhak mengundi dalamnya;
- 13) Telah mengecap apa-apa kertas, apa-apa iklan, kertas tangan, kertas tampal atau postal mengenai pilihanraya yang mana iklan-iklan atau kertas-kertas tersebut ada mengandungi salinan kertas undi atau mengandungi bentuk-bentuk yang boleh dijadikan atau digunakan sebagai kertas undi. Tetapi tidaklah menjadi kesalahan jika sesuatu iklan kertas tangan, kertas tampal, atau postal itu hanya mengandungi nama atau tanda bagi seseorang calon sahaja dan juga mengandungi tanda angka atau lain tanda yang menunjukkan persetujuan kepada calon itu. Kesalahan seperti ini telah dibincangkan dalam kes Ali Amberan v. Tunku Abdullah.⁵¹ Dalam kes ini dirayu supaya dibatalkan pilihanraya yang pihak siddakwa memenangnya dengan salah satu daripada alasannya pihak itu telah melakukan kesalahan mengecap kertas undi (alasan kesalahan ini). Disini diputuskan sebenarnya pihak kena dakwa tidak melakukannya dan tidak disabitkan.⁵²

Sesiapa yang disabitkan dengan mana-mana kesalahan pilihanraya yang telah disebutkan itu boleh dihukum dengan penjara tidak lebih daripada dua tahun atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya sekali, iaitu penjara dan denda,⁵³ selain

⁵¹ Ali Amberan v. Tunku Abdullah [1970] 2 M.L.J. 15.

⁵² Ibid., Keputusan Hakim Raja Azlan Shah, m.s. 18.

⁵³ Akta Kesalahan Pilihanraya, 1954, Seksyen 3(1).

daripada hukuman-hukuman ini, orang yang disabitkan itu tidak boleh menjadi pengundi atau calon selama lima tahun, mulai daripada tarikh ianya disabitkan kesalahannya atau daripada tarikh yang ianya telah dibebaskan daripada penjara, yang mana satu tarikh yang kemudian.⁵⁴ Jika pada tarikh disabitkan kesalahannya ia telah terpilih di dalam mana-mana pilihanraya, maka tempatnya akan menjadi kosong mulai daripada tarikh itu. Ini juga adalah dikenakan pada orang yang telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 4(1) Akta Hasutan, 1948.⁵⁵

Tiap-tiap seorang yang ditangkap kerana melakukan kesalahan kesalahan pilihanraya boleh ditangkap dengan tidak berwaran,⁵⁶ tetapi pendakwa terhadapnya tidaklah boleh dijalankan kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Pendakwa Raya.⁵⁷

Sesiapa yang bersubahat (menolong) atau mencuba melakukan kesalahan-kesalahan pilihanraya ini adalah boleh didenda sepertimana denda bagi kesalahan itu sendiri.⁵⁸

Selain daripada itu ada pula kesalahan-kesalahan yang ditetapkan bagi pegawai-pegawai pilihanraya, seperti pegawai, kerani, jurubahasa, atau kepada orang lain yang mempunyai tugas di bawah undang-

⁵⁴Ibid., Seksyen 3(1).

⁵⁵Ibid., Seksyen 3(2).

⁵⁶Ibid., Seksyen 6(2).

⁵⁷Ibid., Seksyen 6(4).

⁵⁸Ibid., Seksyen 6(1).

undang mengenai pilihanraya.⁵⁹ Sekiranya pegawai-pegawai itu disabitkan dengan kesalahan ini boleh dihukum dengan hukuman yang disebutkan. Antara kesalahan-kesalahan yang disebutkan ialah:

1. membuat catitan yang dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah ia percaya bahawa catitan itu adalah catitan palsu atau tidak benar, kalau catitan itu dibuat dalam mana-mana rekod, penyata, atau suratan yang dikehendaki oleh undang-undang;
2. membenarkan seseorang pengundi mengikut cara yang diuntukan kepada orang buta atau orang yang tidak berupaya, padahal dia tahu atau dengan kerana alasan yang menasabah dia percaya bahawa pengundi itu bukannya orang buta atau bukannya orang yang tidak berupaya;
3. enggan membenarkan seseorang pengundi mengikut cara yang diuntukan kepada orang buta atau orang yang tidak berupaya, manakala dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah dia percaya bahawa pengundi itu ialah orang buta atau orang yang tidak berupaya;
4. dengan sengaja telah menahankan seseorang daripada mengundi ditempat mengundi yang dia berhak mengundi, manakala dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah dia percaya bahawa pengundi itu berhak mengundi ditempat itu;
5. dengan sengaja telah menolak atau enggan membilang kerana undi yang mana dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah dia percaya bahawa kertas undi

⁵⁹ Ibid., Seksyen 4.

itu adalah dengan sahnyanya telah ditandakan untuk seseorang calon;

6. dengan sengaja telah membilang kertas undi sebagai ditandakan kepada seseorang calon, manakala dia tahu atau dengan kerana ada alasan yang menasabah dia percaya bahawa kertas undi itu tidak sah ditandakan kepada seseorang calon itu;
7. dengan tidak ada alasan yang menasabah telah melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi kewajipan rasminya, atau meninggalkan perbuatan-perbuatan yang dia mesti buat.

Sekiranya disabitkan mereka yang didapati bersalah itu boleh dihukum penjara tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau kedua-duanya sekali. Selain daripada itu orang yang disabitkan itu tidak boleh didaftarkan menjadi pengundi atau dinamakan sebagai calon selama lima tahun mulai dari tarikh disabitkan kesalahannya itu atau daripada tarikh dia telah dibebaskan daripada penjara, yang mana satu tarikh yang kemudian. Jika pada tarikh disabitkan kesalahannya itu ia telah terpilih di dalam mana-mana pilihanraya maka tempatnya itu akan menjadi kosong mulai daripada tarikh itu.⁶⁰

Tiap-tiap undi adalah sulit. Tiap-tiap pegawai, kerani, jurubahasa, calon ajen atau lain-lain orang yang dibenarkan menghadiri sebarang acara berkaitan dengan kertas undi atau ditempat mengundi atau

⁶⁰ Ibid., Seksyen 4.

ditempat mengira undi disuruh mengangkat sumpah menyimpan 'Sulit' itu (oath of secrecy).⁶¹ Mereka ini juga dilarang daripada memberitahu perkara 'Sulit' itu kepada mana-mana orang mengenai nama dan nombor pengundi pada daftar pengundi yang sudah atau belum lagi meminta kertas undinya.⁶² Selain daripada itu mereka juga dilarang daripada mendapatkan atau cuba mendapatkan ditempat mengundi, apa-apa perkhabaran mengenai calon yang akan diundi atau sudah diundi oleh seseorang pengundi itu di tempat mengundi itu. Pada bila-bila masa sekalipun janganlah mereka itu cuba menyampaikan kepada sesiapa pun mengenai perkhabaran yang didapati ditempat mengundi itu tentang calon yang akan diundi atau sudah diundi oleh seseorang pengundi ditempat itu, atau tentang nombor kertas undi yang diberi kepada pengundi itu.⁶³

Mereka-mereka ini yang hadir pada ketika membilang undi hendaklah menyimpan rahasia pengundian, dan janganlah cuba menyampaikan apa-apa perkhabaran yang telah didapati olehnya mengenai calon yang telah diundikan oleh mana-mana kertas undi.⁶⁴

Tidak ada sesiapa pun yang boleh berhubung atau cuba berhubung dengan seseorang pengundi selepas pengundi itu menerima kertas undi dan

⁶¹Ibid., Seksyen 5(1).

⁶²Ibid., Seksyen 5(2).

⁶³Ibid., Seksyen 5(3).

⁶⁴Ibid., Seksyen 5(4).

sebelum ia memasukkannya ke dalam peti undi, melainkan Pegawai Tugas yang melaksanakan sesuatu maksud yang dibenarkan oleh undang-undang atau seseorang yang dipilihkan oleh Pegawai Tugas untuk melaksanakan maksud yang tersebut.⁶⁵

Tiap-tiap orang yang hadir dimana-mana perbincaraan mengenai pengeluaran dan penerimaan kertas-kertas undi untuk pengundi-pengundi dengan jalan pos hendaklah menyimpan rahsia pengundian itu dan jika tidak ada sebab yang dibebankan oleh undang-undang:

- a) janganlah menyampaikan kepada sesiapaupun, sebelum pengundian itu tamat, apa-apa perkhabaran yang didapati olehnya dalam perbincaraan itu tentang tanda resmi yang akan digunakan mengenai mana-mana kertas undi;
- b) janganlah menyampaikan kepada sesiapaupun pada bila-bila masa sekalipun apa-apa perkhabaran yang didapati dalam perbincaraan itu tentang nombor kertas undi yang dihantarkan kepada seseorang pengundi;
- c) dalam perbincaraan menerima kertas undi itu, janganlah cuba mengambil atau memberi nombor yang ada di atas mana-mana kertas undi itu; dan
- d) dalam perbincaraan menerima kertas undi itu, janganlah cuba mengambil nama calon yang telah diundikan oleh mana-mana kertas undi dan janganlah cuba menyampaikan perkhabaran yang didapati dalam perbincaraan itu mengenai hal itu.⁶⁶

⁶⁵ Ibid., Seksyen 5(5).

⁶⁶ Ibid., Seksyen 5(6).

Sekiranya sesiapa melanggar peruntukan-peruntukan itu adalah boleh dihukum dengan penjara enam bulan atau denda tidak lebih lima ratus ringgit atau kedua-duanya sekali.⁶⁷

Selain daripada itu ada diperuntukan bahawa pengundi yang telah mengundi dimana-mana pilihanraya dalam mana-mana perbicaraan mengenai pilihanraya adalah dilarang daripada menyebutkan siapakah yang diundinya.⁶⁸

Amalan Tidak Jujur (Corrupt Practices)

Dalam Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954 ada diperuntukkan beberapa perkara mengenai amalan tidak jujur yang dianggap sebagai kesalahan dalam pilihanraya. Antaranya yang dianggap sebagai amalan tidak jujur ialah penyamaran diri (personation), memberi layakan makan minum (treating), pengaruh yang tidak jujur (undue influence) dan rasuah (bribery).

Orang yang boleh disabitkan dengan kesalahan penyamaran diri ialah orang yang meminta kertas undi dalam sesuatu pilihanraya dengan menggunakan nama orang lain atau nama rekaan atau namanya sendiri, jika dia telah mengundi dalam pilihanraya itu.⁶⁹ Dalam satu rayuan pilihanraya (election petition), yang perayunya ialah Tengku Asiah bt.

⁶⁷Ibid., Seksyen 5(7).

⁶⁸Ibid., Seksyen 39.

⁶⁹Ibid., Seksyen 7.

Tengku Ahmad, Mahkamah Tinggi di Kota Bharu telah memutuskan bahawa orang-orang yang berikut didapati salah di bawah kesalahan penyamaran diri iaitu: Omar bin Saman dan Siti Minah binti Dollah. Mereka pada mulanya telah mengundi ditempat mengundi Kampong Laut tetapi kemudiannya menyamar mengundi ditempat mengundi di Sungai Pinang untuk pilihanraya yang sama, di kawasan pilihanraya yang sama.⁷⁰

Sesipa yang secara tidak jujur memberi layanan makan dan minum dengan tujuan untuk mempengaruhi seseorang supaya pergi mengundi atau menahankan dirinya daripada mengundi, orang yang melakukan perbuatan ini dan orang yang menerima faedah daripada perbuatan ini boleh disabitkan dengan kesalahan memberi makan dan minum yang dianggap sebagai salah satu kesalahan pilihanraya.⁷¹

Orang yang boleh disabitkan dengan kesalahan kerana melakukan pengaruh yang tidak jujur ialah⁷²

- a) Orang yang menggunakan kekerasan atau ugutan hendak merosakan, merugi atau membuat apa-apa bencana supaya orang yang dikenakan kekerasan atau ugutan itu mengundi atau menahankan dirinya daripada mengundi atau dilakukan segala perbuatan ini kerana seseorang itu sudah mengundi dalam sesuatu pilihanraya;

⁷⁰ Petitioner, Tengku Noor Asiah bt. Tengku Ahmad, Election Petition No. 7, 1969, Federal Government Gazette F.U. (B) 12, tarikh 21hb Januari 1971.

⁷¹ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 8.

⁷² Ibid., Seksyen 9(1).

- b) orang yang menghalang atau menahan seseorang pengundi daripada menggunakan pilihannya yang bebas atau memaksa atau memujuk seseorang pengundi itu supaya mengundi atau menahan diri daripada mengundi dalam sesuatu pilihanraya.

Selain daripada itu, seseorang yang didapati mengganggu seseorang pengundi supaya tidak dapat ianya menggunakan kuasa bebas hak pilihannya, umpamanya seorang pengundi itu disuruh percaya bahawa dia atau seseorang yang berkaitan dengannya akan murkai oleh Tuhan akan bersedosa pada segi ugamanya, boleh juga disabitkan dengan kesalahan melakukan amalan yang tidak jujur.⁷³

Selain daripada itu, ada juga ditetapkan orang yang boleh disabitkan dengan kesalahan kerana melakukan rasuah. Ini ialah jika mereka memberi pinjam atau berjanji hendak memberi wang atau barang-barang yang berharga kepada pengundi supaya pengundi itu akan mengundi atau menahan dirinya daripada mengundi atau telah menahan dirinya daripada mengundi.⁷⁴ Dalam kes Koh Yin Chye v. Leong Koe Nyeon,⁷⁵ Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa janji untuk memberi \$1,000.00 (seribu ringgit) sebulan bagi maksud khairat bagi kawasan pilihanraya

⁷³ Ibid., Seksyen 9(2).

⁷⁴ Ibid., Seksyen 10(a).

⁷⁵ Koh Yin Chye v. Leong Koe Nyeon [1961] M.L.J. 67.

tortentu adalah menjadi kesalahan rasuah seperti mana dimaksudkan oleh peruntukan Akta ini. Dalam kes ini pihak yang Didakwa telah membuat janji yang tersebut antara tarikh penamaan calon dan hari mengundi dibuat dalam satu kempen pilihanraya. Dalam kes ini pihak yang Didakwa telah disabitkan dengan kesalahan itu.

Selain daripada itu orang yang boleh disabitkan kerana melakukan rasuah seperti dinyatakan oleh Akta Kesalahan Pilihanraya ialah:

1. Mereka yang memberi atau berikhtiar memberi kerja atau jawatan kepada seseorang pengundi supaya pengundi itu mengundi atau menahan dirinya dari mengundi atau dilakukan perbuatan itu kerana seorang pengundi itu telah mengundi atau menahan dirinya dari mengundi;⁷⁶
2. Mereka yang memberi hadiah wang atau pinjaman wang kepada seseorang itu supaya orang itu berikhtiar menjayakan pilihanraya seseorang calon atau mendapat undi daripada seseorang pengundi;⁷⁷
3. Mereka yang berikhtiar dan berusaha menjayakan pilihanraya seseorang atau mendapatkan undi daripada seseorang pengundi setelah diterimanya hadiah wang atau pinjaman wang yang tersebut;⁷⁸
4. Mereka yang membayar wang atau memberi pinjaman wang

⁷⁶ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954; Op. cit., No. 5, Seksyen 10(b).

⁷⁷ Ibid., Seksyen 10(c).

⁷⁸ Ibid., Seksyen 10(d).

itu sebagai rasuah atau untuk membayar hutang yang mana hutang itu ialah terjadi dengan sebab di-belanjakan wang sebagai rasuah;⁷⁹

5. Mereka yang menerima atau bersetuju menerima hadiah, pinjaman atau barang-barang yang berharga, jawatan atau kerja dengan sebab ia telah bersetuju mengundi ataupun dengan sebab ia telah menahan dirinya daripada mengundi ataupun telah bersetuju berbuat demikian.⁸⁰

Sesiapa yang juga selapan daripada pilihanraya menerima wang atau barang-barang yang berharga dengan sebab seseorang telah mengundi atau menahan dirinya daripada mengundi juga boleh disabitkan dengan kesalahan rasuah.⁸¹ Selain daripada itu orang yang meminta daripada calon atau wakil-wakil calon apa-apa pemberian dan pinjaman wang atau barang-barang yang berharga atau jawatan atau kerja yang mana permintaan itu adalah dibuat sebagai bayaran atau balasan kepadanya dengan sebab ia telah mengundi atau bersetuju memberi undinya itu kepada calon itu juga boleh disabitkan dengan kesalahan rasuah.⁸² Begitu juga dengan mereka yang memberi wang atau pinjaman wang, barang-barang yang berharga, jawatan atau kerja atau berikhtiar memberi perkara-perkara ini kepada seseorang supaya orang itu bersetuju menjadi calon atau menarik diri daripada menjadi calon, juga boleh disabitkan.⁸³

⁷⁹ Ibid., Sekyen 10(e).

⁸⁰ Ibid., Sekyen 10(f).

⁸¹ Ibid., Sekyen 10(g).

⁸² Ibid., Sekyen 10(h).

⁸³ Ibid., Sekyen 10(i).

Seseorang yang telah disabitkan salah kerana melakukan amalan tidak jujur yang telah disebutkan itu boleh dihukum dengan penjara dua belas bulan dan denda tidak kurang daripada dua ratus lima puluh ringgit dan tidak melebihi satu ribu ringgit.⁸⁴ Ia juga dianggap sebagai melakukan kesalahan yang boleh ditangkap dengan tidak berwaran.⁸⁵ Selain daripada itu orang yang telah disabitkan dengan kesalahan melakukan amalan tidak jujur itu akan hilang kelayakannya daripada menjadi pengundi atau calon-calon dalam mana-mana pilihanraya dan jika telah terpilih tempatnya menjadi kosong mulai daripada tarikh yang dia disabitkan itu.⁸⁶

Selain daripada itu seseorang yang mencetak, menerbitkan atau membahagi-bahagikan apa-apa iklan, surat tangan, kertas pelekat atau poster yang bersabit dengan pilihanraya yang mana iklan yang tersebut tidak tertera di atasnya nama dan alamat orang yang mencetak dan menerbitkannya, boleh juga disabitkan dengan kesalahan melakukan amalan yang tidak jujur (corrupt practice).⁸⁷ Begitu juga mereka yang membuat atau menerbitkan sesuatu kenyataan salah mengenai diri atau kelakuan calon dengan tujuan untuk memberi kemenangan kepada

⁸⁴ Ibid., Seksyen 11(1), iaitu bagi Kesalahan-kesalahan Penyamaran Diri, memberi layakan, pengaruh tidak jujur dan rasuah.

⁸⁵ Ibid., Seksyen 11(1).

⁸⁶ Ibid., Seksyen 11(2).

⁸⁷ Ibid., Seksyen 11(1)(c).

seseorang calon itu,⁸⁸ atau mereka yang telah membuat atau menyiarkan satu kenyataan palsu mengenai penarikan diri seseorang calon dengan tujuan hendak memberi kemenangan bagi calon yang lain.⁸⁹

Mengenai kesalahan mencetak, menyiar, membahagi merata-rata apa-apa iklan atau poster yang bersabit dengan pilihanraya yang mana diatasnya tidak tertera nama dan alamat orang yang mencetaknya⁹⁰ telah berbangkit dalam kes Ali Amberan v. Tunku Abdullah.⁹¹ Dalam kes ini telah diputuskan bahawa pihak yang Didakwa disabitkan dengan kesalahan yang tersebut.⁹²

Selain daripada itu adalah salah jika seseorang calon atau ejen calon membuat suatu pengakuan palsu mengenai perbelanjaan pilihanraya, padahal dia tahu bahawa pengakuan itu palsu.⁹³

Orang-orang yang disabitkan dengan kesalahan-kesalahan yang telah disebutkan kemudian ini boleh dihukum dengan penjara enam bulan dan denda lima ratus ringgit.⁹⁴

⁸⁸Ibid., Seksyen 11(1)(d).

⁸⁹Ibid., Seksyen 11(1)(e).

⁹⁰Ibid., Seksyen 11(1)(c).

⁹¹Ali Amberan v. Tunku Abdullah [1970] 2 M.L.J. 15.

⁹²Keputusan Mahkamah Tinggi, Hakim Raja Azlan Shah.

⁹³Akta Kesalahan Pilihanraya, Seksyen 11(1)(f).

⁹⁴Ibid., Seksyen 11(1).

Wakil Pilihanraya

Selalunya calon yang bertanding dalam sesuatu pilihanraya akan melantik wakil pilihanraya. Calon ini akan mewakilinya mengenai serba jenis perkara dalam pilihanraya itu. Undang-undang menetapkan bahawa penamaan wakil pilihanraya hendaklah dibuat pada masa atau sebelum hari penamaan calon, secara bertulis oleh calon.⁹⁵ Seseorang calon itu boleh juga menamakan dirinya sendiri sebagai wakil pilihanraya.⁹⁶ Jika seseorang wakil pilihanraya itu mati atau perlantikannya itu telah ditarikbalik, maka hendaklah calon itu melantik seorang lain menjadi wakil pilihanraya.⁹⁷ Seseorang wakil pilihanraya itu hendaklah mempunyai pejabatnya di kawasan yang ianya menjadi wakil pilihanraya supaya segala tuntutan, notis, saman atau surat-an mudah disampaikan padanya.⁹⁸

Selain daripada itu undang-undang ada menetapkan bahawa orang-orang yang berikut tidak layak menjadi wakil pilihanraya:⁹⁹

1. Tidak menjadi warganegara;
2. Berumur kurang daripada 21 tahun;

⁹⁵Ibid., Seksyen 12(1).

⁹⁶Ibid., Seksyen 12(2).

⁹⁷Ibid., Seksyen 12(4).

⁹⁸Ibid., Seksyen 12(6).

⁹⁹Ibid., Seksyen 13(1).

3. Dalam tempuh lima tahun terdahulu daripada hari penamaan calon dalam sesuatu pilihanraya, ia telah disabitkan salah oleh Mahkamah dalam Persekutuan kerana melakukan satu kesalahan jenayah mengenai pukul-memukul atau tidak amanah;
4. Dalam tempuh lima tahun terdahulu daripada hari penamaan calon dalam sesuatu pilihanraya, ia telah disabitkan salah atau dibebaskan dari penjara kerana menjalankan hukuman yang dikenakan ke atasnya, sebab melakukan satu kesalahan;
5. Ia adalah orang yang namanya terdaftar di bawah Ordinan Pencegahan Jenayah, 1959;
6. Ia dalam tempuh lima tahun terdahulu daripada hari penamaan calon telah disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 52(3) Akta Pertubuhan;
7. Ia adalah orang yang terhadapnya telah dibuat perintah di bawah Seksyen 66(4) Akta Pertubuhan, 1966.

Selain daripada itu, pegawai, kerani, jurubahasa atau orang-orang yang ada hubungannya dengan pilihanraya, tidak boleh dilantik sebagai wakil pilihanraya.¹

Seseorang wakil pilihanraya yang dilantik itu, boleh pula melantik wakil mengundi, wakil membilang, kerani dan orang yang boleh disuruh, sama ada dengan percuma atau dengan bayaran.² Ia juga dibolehkan

¹Ibid., Seksyen 13(2).

²Ibid., Seksyen 14(1).

menyewa bilik mesyuarat, memberitahu nama dan alamat wakil-wakil yang dilantik itu kepada Pegawai Tugas dan Pegawai Pengurus sebelum dari hari mengundi.

Sesuatu kontrak dan perbelanjaan wang yang dibuat oleh wakil pilihanraya mengenai pilihanraya adalah boleh dikuatkuasakan.³

Perbelanjaan Pilihanraya Dan Amalan Salah

Perbuatan-perbuatan yang dianggap sebagai amalan salah ialah sekiranya perkara-perkara yang berikut tidak dipatuhi:

1. Wang untuk perbelanjaan pilihanraya itu mestilah tidak melebihi daripada yang dihadkan iaitu dua puluh ribu ringgit bagi pilihanraya Dewan Rakyat, limabelas ribu ringgit bagi pilihanraya Dewan Undangan Negeri, dan lain-lain.⁴
2. Tiada wang yang boleh dibelanjakan untuk membawa pergi dan balik pengundi ke tempat mengundi, samada dengan menyewa kenderaan, pengangkutan dan lain-lain.⁵
3. Bayaran tidak boleh dibuat kepada seseorang pengundi kerana menggunakan rumahnya atau tanahnya untuk menampalkan apa-apa iklan pilihanraya.⁶

³Ibid., Seksyen 14(2).

⁴Ibid., Seksyen 19(1).

⁵Ibid., Seksyen 20(1)(a).

⁶Ibid., Seksyen 20(1)(b).

4. Tidak ada orang yang dibenarkan bagi maksud menjayakan pilihanraya seseorang calon, mengambil kerja secara bayaran atau berjanji untuk bayaran, kecuali bagi maksud dijadikan wakil pilihanraya, wakil mengundi, bilangan kerusi yang menasabah dan lain-lain.⁷
5. Daripada tarikh tiga puluh satu hari disiarkan keputusan pilihanraya dalam Warta Kerajaan, wakil pilihanraya tiap-tiap calon hendaklah menyampaikan kepada pegawai yang tertentu satu penyata perbelanjaan pilihanraya yang mengandungi butir-butir tuntutan-tuntutan yang diportikaikan, segala tuntutan yang belum berbayar (jika ada), wang, jaminan yang diterima oleh wakil pilihanraya yang berkaitan dengan perbelanjaan pilihanraya.⁸ Penyata itu hendaklah ditandatangani oleh wakil pilihanraya dan dikembalikan sama kenyataan yang dibuat oleh calon atau wakil pilihanraya.⁹ Setelah pegawai yang berkenaan menerima penyata itu, ia akan membuat notis tarikh ia menerimanya dalam Warta.¹⁰
6. Pada hari mengundi, tiap-tiap orang majikan mestilah memberi peluang dan kebebasan kepada pekerja-pekerja nya pergi mengundi dengan tidak memotong gaji-gaji mereka.¹¹

⁷Ibid., Seksyen 21(1).

⁸Ibid., Seksyen 23(1).

⁹Ibid., Seksyen 23(2).

¹⁰Ibid., Seksyen 24(1).

¹¹Ibid., Seksyen 25(1).

7. Pada hari mengundi, perkakas-perkakas bunyian dan pembesar suara tidak boleh digunakan untuk menghibahkan dakyah-dakyah politik.¹² Juga tidak dibenarkan menguna atau membawa apa-apa bendera, tanda-tanda cogan, poster dan lehal yang membezakan fikiran-fikiran yang diakui oleh seseorang calon dengan calon yang lain.¹³
8. Selain daripada itu, di dalam had lima puluh ela, tidaklah dibenarkan seseorang calon itu melakukan apa-apa perbuatan seperti cuba mengecam atau mengenalkan orang yang masuk ke dalam tempat mengundi, menyamak daftar pengundi yang berkenaan dengan orang yang keluar masuk ke dalam tempat mengundi itu, meletakkan kerusi, meja atau membuka pejabat untuk pilihanraya, merisik-risik supaya seseorang pengundi itu mengundi atau menahankan dirinya daripada mengundi kepada mana-mana calon dan menanti atau berteko-teka melainkan untuk masuk ke dalam tempat mengundi kerana mengundi sahaja.¹⁴
9. Seseorang calon atau wakil pilihanraya tidak dibenarkan pada hari mengundi membuka pejabat kecuali dalam kawasan pilihanraya seseorang calon itu.¹⁵
10. Antara hari penamaan calon dan hari diistiharkan keputusan pilihanraya tidak dibenarkan sesiapaupun berucap kepada orangramai bagi pihak seseorang calon supaya mengundi seseorang calon, melainkan orang ini

¹²Ibid., Seksyen 26(1).

¹³Ibid., Seksyen 26(2).

¹⁴Ibid., Seksyen 26(3).

¹⁵Ibid., Seksyen 26A.

mempunyai kuasa bertulis yang dibenarkan.¹⁶

11. Tidak dibenarkan sesiapa pun bagi maksud menjalankan pilihanraya seseorang calon (selain daripada calon, wakil calon dan orang yang diberikuasa bertulis oleh wakil pilihanraya) membelanjakan wang bagi mengadakan rapat umum, mencetak iklan dan lain-lain.¹⁷

Sesiapa yang telah disabitkan dengan kesalahan melakukan amalan salah boleh dihukum dengan denda lima ratus ringgit, dan dalam tempoh lima tahun mulai daripada tarikh disabitkan kesalahannya itu dia tidak boleh didaftarkan sebagai pengundi dan juga tidak boleh mengundi dimana-mana pilihanraya sekalipun. Jika dia telah menjadi calon dan telah berjaya di dalam sesuatu pilihanraya, maka tempatnya adalah dianggap menjadi kosong dari semanjak tarikh yang ia disabitkan kesalahannya.¹⁸ Pendakwaan mengenai amalan salah hendaklah mendapat kebenaran daripada Pendakwa Raya terlebih dahulu.¹⁹

Melepaskan Diri Daripada Akibat Kesalahan Amalan Tidak Jujur Dan Amalan Salah

Undang-undang juga ada memperuntukan dalam beberapa keadaan, seseorang calon itu boleh melepaskan dirinya (diberi kemaafan) daripada

¹⁶ Ibid., Seksyen 26B.

¹⁷ Ibid., Seksyen 15A(1).

¹⁸ Ibid., Seksyen 27(1).

¹⁹ Ibid., Seksyen 27(2).

akibat kesalahan amalan tidak jujur atau amalan salah yang dilakukan.

Sekiranya ia boleh membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan dengan sebab melanggar perintah dengan tidak persetujuan dan setahu calon itu atau wakil pilihannya, atau ia telah mengambil segala langkah yang menasabah supaya menahan daripada berlakunya kesalahan ini atau kesalahan itu tidak begitu mustahak atau pilihannya itu bersih daripada amalan tidak jujur dan amalan salah, maka ia boleh dimaafkan. Tetapi ia hendaklah membuktikan perkara-perkara yang tersebut itu kepada Hakim dengan memuaskan hati Hakim dan selepas ia memberi peluang kepada Peguam Negara membuat apa-apa pandangan. Jika ia dimaafkan, maka terlepaslah ia daripada akibat kesalahan itu.²⁰

Selain daripada itu permohonan boleh dibuat oleh calon yang berkenaan kepada Hakim dengan menyatakan yang memuaskan Hakim bahawa kesalahan itu dilakukan dengan tidak sengaja atau dengan sebab salah pertimbangan dan bukannya dengan niat jahat. Sekiranya Hakim itu puas hati, maka ia boleh dikecualikan daripada akibat kesalahan itu.²¹

Undang-undang juga amat memandang berat kepada cara membelanjakan wang dalam pilihannya supaya ia tidak digunakan secara sewenang-wenangnya dalam menarik pengundi.

²⁰ Ibid., Seksyen 28.

²¹ Ibid., Seksyen 29.

Oleh kerana itulah undang-undang menetapkan supaya calon yang berkenaan membuat penyata perbelanjaan untuk diserahkan kepada Pegawai yang berkenaan. Jika tidak, calon yang berkenaan itu dianggap sebagai melakukan kesalahan. Untuk melepaskan daripada akibat kesalahan ini, undang-undang telah membenarkan calon atau wakil pilihanraya membuat satu permohonan kepada Hakim supaya tidak dikenakan akibat-akibatnya. Tetapi ini dengan syarat ia perlu membuktikan kepada mahkamah dengan nyataan yang memuaskan hati bahawa kemungkiran dan kesilapan tentang penyata itu disebabkan perkara-perkara yang tidak boleh diolakkan seperti sakit, mati dan lain-lain yang menasabah dan berlakunya kemungkiran dan kesilapan itu dengan kerana kesalahan orang lain, dan bukan dengan sengaja dan niat tidak baik calon itu atau wakil pilihanrayanya.²²

Kemudian Hakim itu selepas memberikan hak untuk didengar kepada pihak yang berkenaan itu, akan membuat perintah memberi kemaafan atas kesalahan itu.

Perkara mengenai hal ini telah dibincangkan dalam kes Lin See Lock v. Supervisor of Election²³ dan kes Re Lee Ah Meng.²⁴

²²Ibid., Seksyen 50(1).

²³Lin See Lock v. Supervisor of Election [1965] 2 M.L.J. 73.

²⁴Re Lee Ah Meng [1969] 2 M.L.J. 10.

Dalam kes Lin See Lock v. Supervisor of Election itu, satu tuntutan telah dibuat supaya dimaafkan kerana kegagalan pihak yang menuntut menghantar penyata pertelangan dalam masa yang ditetapkan. Dalam kes ini Mahkamah Tinggi (Hakim McIntyre) memutuskan bahawa pihak yang menuntut diberikan kemaafan seperti mana yang disebutkan dalam Seksyen 30(1) Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya.

Tuntutan meminta kemaafan yang sama telah juga dibuat dalam kes Lee Ah Beng.²⁵ Dalam menyokong permohonanannya itu, pihak yang menuntut menyebutkan bahawa dia telah menyerahkan tugas menyediakan penyata itu kepada wakil pilihanrayanya yang gagal menyiapkan dalam tempuh masa yang ditetapkan disebabkan kesibukan dengan pilihanraya yang lain. Dalam kes ini Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pemberian kemaafan itu adalah terpalang kepada budibicara Hakim dan bukannya secara 'arbitrary'. Budibicara itu hendaklah dilaksanakan dengan patuh dan mengikut perinsip-perinsip kehakiman. Dalam kes ini Mahkamah membuktikan bahawa pihak menuntut telah membuktikan yang kegagalan menghantar penyata bukanlah disebabkan niat jahat tapi disebabkan kesalahan orang lain. Oleh kerana itu Mahkamah memberikan kemaafan dan membenarkannya menghantar penyata itu selepas masa yang ditetapkan.

Rayuan Pilihanraya

Perlombagaan Persekutuan s.s. memperuntukan bahawa sesuatu

²⁵Ibid., m.s. 10.

pilihanraya itu boleh dipersoalkan dengan rayuan pilihanraya yang diserahkan kepada Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa ditempat pilihanraya itu diadakan.²⁶ Rayuan pilihanraya itu akan dibicarakan oleh Hakim Besar ataupun Hakim Mahkamah Tinggi yang dilantik oleh Hakim Besar bagi mahkamah yang tersebut.²⁷ Saksi-saksi akan dipanggil dan memberi kenyataan sama seperti acara acara dalam pembicaraan Mahkamah Tinggi yang biasa.²⁸

Satu persoalan berbangkit kerana keputusan Hakim itu boleh dirayu ke Mahkamah Persekutuan. Persoalan ini telah berbangkit dalam kes Tunku Abdullah v. Ali Anbaran.²⁹ Dalam kes ini Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa keputusan Hakim Pilihanraya adalah muktamad dan tidak boleh dirayu lagi. Mahkamah Persekutuan tidak ada bidangkuasa menimbangkan rayuan itu.³⁰ Perlembagaan Persekutuan adalah mengatasi peruntukan-peruntukan dalam Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya, mengenai Hakim Pilihanraya.

Mengenai peruntukan Seksyen 33(1) itu telah dibincangkan dalam kes Re Perting Timur Election (No. 2).³¹ Dalam kes ini

²⁶ Perlembagaan Persekutuan, Perkara 118.

²⁷ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 33(1).

²⁸ Ibid., Seksyen 33(2) dan 33(3).

²⁹ Tunku Abdullah v. Ali Anbaran [1971] 1 M.L.J. 25.

³⁰ Ibid., Per, Hakim no. 3, m.s. 27.

³¹ Re Perting Timur Election (No. 2) [1962] 28 M.L.J. 333.

Mahkamah Rayuan Persekutuan (ketika itu) memutuskan bahawa peruntukan itu menunjukkan bahawa yang berbangkit disini ialah rayuan daripada Tribunal Khas (Hakim Pilihanraya) dan bukan daripada keputusan Hakim Mahkamah Tinggi. Oleh kerana itu Seksyen 36 dan 37, Ordinan Mahkamah 1948 tidak boleh digunakan dalam hal ini.³²

Selain daripada itu undang-undang memperuntukan bahawa segala hal 'interlocutory' yang berkaitan dengan rayuan pilihanraya hendaklah ditimbang dan diputuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi.³³ Persoalan samada rayuan atau perintah 'interim' atau 'interlocutory' yang dibuat oleh Hakim Pilihanraya boleh dirayu, ada dibincangkan dalam kes Re Perting Timur (No. 2).³⁴ Disini diputuskan bahawa hak untuk merayu hendaklah diberikan secara jelas oleh Perlembagaan atau undang-undang. Jika tidak diberikan, maka tidaklah ada hak untuk merayu.³⁵

Dalam kes Devan Nair v. Yong Kuan Teik,³⁶ Privy Council memutuskan bahawa sekiranya Hakim Pilihanraya membuat perintah raktamad, ini tidak boleh dirayu lagi. Tapi jika perintahnya itu

³²Ibid., Per. Hakim Besar Hill, m.s. 334.

³³Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 33(4).

³⁴Re Perting Timur (No. 2) [1962] 28 M.L.J. 333.

³⁵Ibid., Per. Hakim Besar Hill, m.s. 334.

³⁶Devan Nair v. Yong Kuan Teik [1967] 1 M.L.J. 261.

'interlocutory', maka terpulanglah kepada Hakim Pilihanraya memberikan kebenaran rayuan dan dipertimbangkan di Mahkamah Persekutuan.

Hakim Privy Council sendiri adalah enggan untuk menimbangkan rayuan 'interlocutory' melainkan kes yang ditimbulkan itu membangkitkan kepentingan awam dan umum yang paling besar (exceptional public and general importance), yang Mahkamah Persekutuan fikir elok bagi pihak yang terjejas memohon ke Lembaga Rayuan itu. Disini Mahkamah Privy Council memutuskan, kes yang ditimbulkan itu ada membangkitkan kepentingan awam dan umum yang besar, maka bolehlah Majlis Privy Council menimbangkannya.

Orang yang berhak menghantar rayuan pilihanraya ialah mereka yang mengundi atau ada hak untuk mengundi dipilihanraya dimana rayuan itu berkenaan, mereka yang menuntut ada hak memenangi atau dipilih dalam pilihanraya yang tertentu atau mereka yang mendakwa dirinya sendiri sebagai calon dalam sesuatu pilihanraya.³⁷ Tegasnya rayuan pilihanraya boleh dibuat oleh mereka yang mempunyai kepentingan dalam sesuatu pilihanraya itu.³⁸

Melalui rayuan pilihanraya yang dibuat itu pihak perayu boleh mendapatkan tuntutan bahawa pilihanraya itu terbatal, peristiharan

³⁷ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 34.

³⁸ Yong Kuan Teik v. Devan Nair [1965] 2 M.L.J. 162(F.C.).

bahawa orang yang berkenaan tidak terpilih atau peristiharan bahawa mana-mana calon sepatutnya terpilih ataupun tuntutan kerusi oleh calon yang kalah atas alasan bahawa ia mendapat undi majoriti yang sah.³⁹

Tiap-tiap rayuan pilihanraya hendaklah dihantar dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh penyiaran keputusan pilihanraya dalam Warta Kerajaan.⁴⁰ Tetapi sekiranya rayuan itu beralaskan alasan amalan tidak jujur dan dakwaan bayaran wang, hendaklah dihantar dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh berlakunya kesalahan itu.⁴¹ Rayuan pilihanraya yang mempersoalkan penyata atau dakwaan amalan salah, hendaklah dihantar dalam tempoh sebelum berakhirnya empat belas hari terdahulu daripada tarikh penyiarannya dalam Warta Kerajaan, notis yang diperlukan oleh Seksyen dua puluh empat hari mengenai perbelanjaan pilihanraya.⁴² Jika rayuan pilihanraya mendakwa bayaran wang yang dibuat daripada tarikh yang tertentu oleh orang yang pilihanraya berkenaan rayuan itu hendaklah dihantar dalam tempoh dua puluh lapan hari secepat-cepatnya selepas tarikh bayaran itu dibuat.

Perkara mengenai Seksyen 38 ini telah berbangkit dalam kes Chong Thain Vun v. Watson, Harid Datun v. Majengail, Richard Yap

³⁹ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 35.

⁴⁰ Ibid., Seksyen 38(1).

⁴¹ Ibid., Seksyen 38(1)(a).

⁴² Ibid., Seksyen 38(1)(b).

v. Tun Datu Mustapha bin Datu Harun.⁴³ Dalam kes ini, keputusan pilihanraya (petition No. 4) telah disiarkan dalam Warta Kerajaan pada 10hb Mei 1967 dan rayuan dibuat pada 31hb Mei 1967. Disini diputuskan bahawa rayuan pilihanraya (No. 4) telah dibuat dalam masa yang ditetapkan. Begitu juga perkara ini telah dibangkitkan dalam kes Tengku Korish v. Mohammad bin Jusof, Abdul Raof v. Ibrahim bin Arshad, Mokhtar bin Abdullah v. Mokhtar bin Haji Daud.⁴⁴ Dalam kes ini pihak perayu adalah calon dalam kawasan pilihanraya Kuala Pahang, Pahang Tua dan Rompin bagi pilihanraya Dewan Undangan Negeri Pahang. Pada 5hb. April 1969, mereka menghantar kertas penamaan, tetapi ditolak oleh Pengurus Pilihanraya atas alasan-alasan yang tertentu. Pengurus Pilihanraya telah mengistiharkan responden sebagai terpilih dan memenangi pilihanraya yang kemudiannya menyiarkannya dalam Warta Kerajaan pada 8hb Mei 1969. Rayuan pilihanraya telah dihantar pada 23hb April 1969. Disini rayuan dibuat sebelum penyiaran keputusan, sepatutnya dihantar selepas penyiaran. Olehkerana itu Mahkamah memutuskan bahawa rayuan pilihanraya itu ditolak.⁴⁵

Rayuan pilihanraya yang dihantar pada masa yang sepatutnya, untuk maksud mempersoalkan penyata atau pilihanraya atau dakwaan amalan tidak jujur atau amalan salah, boleh dipinda dengan kelulusan Hakim

⁴³Chong Thain Yun v. Watson, Hamid Datun v. Majanail, Richard Yap v. Tun Datu Mustapha bin Datu Harun [1968] 1 M.L.J. 65.

⁴⁴Tengku Korish v. Mohammad bin Jusof, Abdul Raof v. Ibrahim bin Arshad, Mokhtar bin Abdullah v. Mokhtar bin Haji Daud [1970] 1 M.L.J.

⁴⁵Ibid., Keputusan Hakim Raja Azlan Shah, m.s. 7.

Mahkamah Tinggi dalam masa mana rayuan pilihanraya yang mempersoalkan nya itu dibuat.⁴⁶ Persoalan ini telah berbangkit dalam kes Abu Bakar v. Mohammad Zain.⁴⁷ Dalam kes ini perayu telah dibicarakan rayuannya. Setelah dua hari pembicaraan, ia memohon supaya dipinda rayuan itu dengan maksud untuk menambahkan beberapa dalaman. Di sini Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa dengan berdasarkan peruntukan Seksyen 38(2) dan 42(2) Akta Kesalahan Pilihanraya, Mahkamah adalah mempunyai budibicara untuk membenarkan sesuatu pihak itu meminda rayuannya. Tetapi berdasarkan keadaan kes ini, dimana permohonan itu dibuat terlalu lewat dan perayu telah tidak membuktikan justifikasinya maka permohonan pindaan itu ditolak.

Acara dan amalan sesuatu rayuan pilihanraya itu adalah diaturkan oleh peraturan-peraturan Mahkamah, sehingga diubahkan atau dibatalkan oleh peraturan-peraturan Mahkamah, maka peraturan-peraturan pilihanraya 1954 adalah dipakai.⁴⁸

Dalam kes Abu Bakar v. Mohammed Zain Mahkamah memutuskan bahawa Peraturan-peraturan Mahkamah Tinggi, 1957 adalah dipakai bagi kes-kes pilihanraya di Malaya dan ini memberikan budibicara kepada

⁴⁶ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 38(2).

⁴⁷ Abu Bakar v. Mohammad Zain [1966] 2 M.L.J.

⁴⁸ Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 42.

Mahkamah untuk membenarkan pihak yang berkenaan meminda rayuannya.⁴⁹

Pemilihan seseorang calon pada sesuatu pilihanraya itu boleh diistiharkan sebagai terbetal dengan cara rayuan pilihanraya. Tetapi rayuan itu hendaklah dibuat dengan alasan-alasan berikut sehingga memuaskan hati Hakim Pilihanraya:⁵⁰

1. Amalan tidak jujur, seperti memberi layanan ugutan rasuah dan sebagainya telah berlaku di dalam pilihanraya itu, dan amalan ini telah menyebabkan dapatnya keputusan yang dibangkitkan itu;
2. Pilihanraya itu dijalankan dengan tidak mengikut undang-undang berkenaan pilihanraya, dan dengan sebab inilah keputusan pilihanraya itu telah didapati seperti itu;
3. Satu kesalahan amalan tidak jujur atau amalan salah yang telah dilakukan oleh seseorang calon itu sendiri, atau oleh orang lain, tetapi dengan setahu dan persetujuan calon itu atau wakil pilihanrayanya;
4. Orang yang dipakai oleh calon menjadi wakil pilihanraya atau wakil-wakil yang lain lagi ialah orang yang sememangnya didalan tempoh tujuh tahun dahulu daripada perlantikannya telah disabit salah melakukan kesalahan amalan tidak jujur, ataupun telah dilaporkan melakukan kesalahan itu oleh Hakim Pilihanraya;

⁴⁹Abu Bakar v. Mohammad Zain [1966] 2 M.L.J.

⁵⁰Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya, Seksyen 32.

5. Calon itu pada ketika pilihanraya sememangnya orang yang tidak mempunyai kelayakan (Seksyen 32).

Sekarang kita akan bincangkan kes-kes yang berkaitan dengan penggunaan Seksyen 32 ini. Dalam kes Re Election Petition of Cheah Seng Teik,⁵¹ Hakim Rigby memutuskan bahawa hanya dengan tidak mengikut peruntukan undang-undang bertulis yang tertentu tidak mencukupi untuk membatalkan sesuatu pilihanraya. Ketidakpatuhan itu sendiri hendaklah menyentah keputusan pilihanraya itu sendiri.

Dalam kes Yap Choon Kong v. The Returning Officer, Kluang,⁵² disini Mahkamah tidak dapat memberikan remedi kerana ketiadaan alasan 'ketidakpatuhan' kepada undang-undang bertulis yang boleh membatalkan pilihanraya itu. Begipun jika ada 'ketidakpatuhan' itu tidak menyentah keputusan pilihanraya itu sendiri. Disini bermakna Hakim Adam telah memakai prinsip Hakim Rigby di atas tadi.

Perkara yang menyebut Seksyen 32 ini juga dibangkitkan dalam kes Isahak Hamid v. Mustafa.⁵³ Dalam kes ini pihak yang menuntut merayu dengan alasan pihak responden tidak dipilih dengan wajar kerana peristiharan yang dibuat oleh responden bersama-sama

⁵¹Re Election Petition of Cheah Seng Teik [1958] M.L.J. 275.

⁵²Yap Choon Kong v. The Returning Officer, Kluang [1962] MLJ. 19.

⁵³Isahak Hamid v. Mustafa [1965] 2 M.L.J. 18.

dengan kertas penamaannya tidak sah. Tidak sah kerana setem di atasnya tidak dibatalkan dalam cara yang sewajarnya. Oleh kerana itu didakwa-kan bahawa Pegawai Pengurus Pilihanraya tidak boleh menerimanya. Ini bermakna undang-undang telah tidak diikuti. Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa peristiharan itu tidak sah dan Pegawai Pengurus Pilihanraya sepatutnya menolaknya. Walau bagaimanapun Mahkamah telah memutuskan bahawa pilihanraya itu telah dijalankan dengan sebaik-baiknya dengan menurut perinsip undang-undang. 'Ketidakpatuhan' disini adalah tidak menyentuh keputusan pilihanraya. Oleh kerana itu pihak responden diputuskan sebagai yang terpilih dan rayuan itu telah ditolak.⁵⁴

Sekali lagi peruntukan Seksyen 32 ini berbangkit dalam kes Abdul Karim v. Mohammad Taib.⁵⁵ Dalam kes ini, pada ketika penutupan penamaan calon, responden pertama membantah penamaan perayu atas alasan yang ianya telah gagal menaruh namanya dalam ceraijan saksi Jadual Ketiga, Peraturan Pilihanraya yang berkenaan. Bantahan itu disetujui oleh pihak yang di Balwa Kedua (Pegawai Pengurus). Seterusnya beliau telah memutuskan bahawa penamaan perayu adalah tidak sah kerana tidak mengikut peruntukan peraturan yang berkenaan. Responden pertama telah dipilih menang tanpa bertanding. Perayu memohon supaya pilihanraya responden dibatalkan. Disini

⁵⁴Ibid., Per. Hakim Ismail Khan, m.s. 21.

⁵⁵Abdul Karim v. Mohammad Taib [1969] 2 M.L.J. 72.

Mahkamah memutuskan bahwa rayuan perayu diluluskan. Alasannya keputusan Pegawai Pengurus adalah terbuka untuk ulangkaji (review) oleh Mahkamah kerana hal yang dibangkitkan itu termasuk dalam maksud Seksyen 32 Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya. Kegagalan perayu memajukan rayunya itu tidaklah membatalkan penemuannya. Ketinggalan atau kegagalan itu tidak boleh dianggap sebagai tidak mematuhi undang-undang, melainkan jika ianya menyentuh perkara yang penting. Mahkamah telah mengistiharkan pilihanraya itu sebagai batal dan pemilihan responden juga turut terbatal.⁵⁶

Pemakaian Seksyen 32 juga dibangkitkan dalam kes Mohammad Jaafar v. Sulaiman.⁵⁷ Disini rayuan dibuat supaya diistiharkan pemilihan calon yang berjaya itu sebagai batal dengan alasan ia telah tidak dipilih dengan sewajarnya. Ini kerana terdapatnya perbezaan antara bilangan kertas undi dalam peti undi dengan jumlah undi yang dikira. Pegawai Pengurus pilihanraya telah tidak memerintahkan kiraan semula kerana ianya tidak menyentuh keputusan pilihanraya. Disini didakwa bahawa Pegawai Pengurus telah tidak mengikut peruntukan undang-undang di bawah Peraturan 25(8)(b).⁵⁸ Oleh kerana itu, dengan kuasa Seksyen 32 Akta Kesalahan Pilihanraya,

⁵⁶ Ibid., Per. Hakim Syed Othman, m.s. 74.

⁵⁷ Mohammad Jaafar v. Sulaiman [1970] 1 M.L.J. 18.

⁵⁸ Peraturan (Perjalanan Pilihanraya) 1959, Peraturan 25(8)(b).

perayu memohon supaya pilihanraya itu dibatalkan. Disini Mahkamah memutuskan bahawa perayu telah tidak memohon untuk dikira semula dan bahawa ianya tidak menyentuh atau memberi apa-apa perbezaan pada keputusan pilihanraya. Rayuan perayu telah ditolak.⁵⁹

Penggunaan Seksyen 32 juga dibangkitkan dalam kes Muip bin Talib v. Dato James Wong, Wan Hamid bin Tunku Surur v. Francis Loke.⁶⁰ Dalam kes ini Pegawai Pengurus pilihanraya telah menolak penamaan perayu dengan alasan kertas penamaannya tidak menyebutkan butir-butir yang diperlukan. Pada mulanya perayu memohon pindaan pada penamaan itu, tetapi tidak dibenarkan oleh Pegawai Pengurus. Perayu mendakwa yang Pegawai Pengurus salah dalam menolak kertas penamaan itu dan menolak pindaan yang ingin dibuat oleh Pegawai Pengurus. Dalam pembelaannya pihak responden menyatakan bahawa rayuan itu tidak memenuhi keperluan Seksyen 32 Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya 1954. Mahkamah telah menolak rayuan itu dengan alasan rayuan itu defektif. Didapati tidak ada nyataan yang menunjukkan 'ketidaktahuan' pada mana-mana undang-undang pilihanraya. Dakwaan itu juga tidak menyentuh keputusan pilihanraya, oleh kerana itu Seksyen 32 tidak boleh digunakan disini untuk membatalkan pilihanraya itu.

Cara-cara untuk membuat rayuan pilihanraya pula ada di-

⁵⁹Per. Hakim Chang Min Tat, m.s. 20.

⁶⁰Muip bin Talib v. Dato James Wong, Wan Hamid bin Tunku Surur v. Francis Loke [1971] 1 M.L.J. 246.

sebutkan dalam Peraturan-peraturan Rayuan Pilihanraya 1954. Kandungan sesuatu rayuan itu ialah menyatakan hak perayu untuk merayu, menyebutkan keputusan pilihanraya dan alasan-alasan rayuan.⁶¹ Sekiranya terdapat lebih daripada satu rayuan yang dihantar mengenai pilihanraya yang sama, rayuan-rayuan itu hendaklah diselesaikan sebagai satu rayuan,⁶² contohnya disini ialah kes Tengku Korish v. Mohammad bin Jusoh, Abdul Raof v. Ibrahim bin Arshad, Mokhtar bin Abdullah v. Mokhtar bin Haji Daud.⁶³ Perayu boleh juga memilih peguamnya sendiri. Responden pun boleh juga memilih peguamnya. Masa menghantar rayuan, disertakan sama jaminan untuk bayaran kos, perbelanjaan-perbelanjaan yang mungkin dibayar oleh perayu. Jaminan itu ialah tidak kurang daripada lima ratus ringgit, sekiranya jaminan itu tidak diberikan oleh perayu, perbicaraan selanjutnya tidak boleh diteruskan, dan responden boleh memohon kepada Hakim supaya rayuan itu ditolak.⁶⁴ Perkara ini telah dibincangkan dalam kes Sulaiman v. Choong Yoon Chong.⁶⁵ Disini responden memohon supaya rayuan perayu ditolak kerana perayu tidak menyertakan jaminan. Mahkamah memutuskan kuasa untuk menolak rayuan jika deposit tidak dibuat adalah merupakan

⁶¹ Peraturan-peraturan Rayuan Pilihanraya. 1954, Peraturan 4(1),
Lihat Lampiran.

⁶² Ibid., Peraturan 6.

⁶³ Tengku Korish v. Mohammad bin Jusoh, Abdul Raof v. Ibrahim bin Arshad, Mokhtar bin Abdullah v. Mokhtar bin Haji Daud

⁶⁴ Op. cit., No. 61, Peraturan 12.

⁶⁵ Sulaiman v. Choong Yoon Chong [1957] 23 M.L.J. 170.

budibicara Hakim. Dalam kes ini, pematuhan kepada peraturan telah diikuti dengan sewajarnya. Oleh kerana itu amat tidak adil untuk menolak perbicaraan rayuan perayu. Peraturan 12 tidak menyatakan bahawa rayuan akan ditolak secara automatik jika deposit tidak dibuat.⁶⁶

Dalam kes Chong Thain Yun v. Watson & Anor, Hamid Datun v. Majanwil & Anor, Richard Yap v. Tun Datu Mustapha, Mahkamah memutuskan Peraturan Rayuan Pilihanraya adalah 'mandatory' dan memerlukan kepatuhan sepenuhnya. Jika peruntukannya tidak dipatohi bermakna rayuan itu tidak dapat dibicarakan.⁶⁷ Rayuan boleh ditolak jika terdapat tidak cukup jaminan seperti yang diperlukan di bawah peruntukan Peraturan 12(2).

Selain daripada itu notis rayuan hendaklah dihantar kepada responden dalam masa lima belas hari, notis itu mencukupi jika salinannya dihantar kepada peguam responden. Perkara ini juga berbangkit dalam kes Chong Thain Yun v. Watson, Hamid Datun v. Majanwil, Richard Yap v. Tun Datu Mustapha.⁶⁸ Tetapi disini diputuskan bahawa notis itu dihantar dalam masa yang ditetapkan.

⁶⁶ Ibid., Per. Hakim Smith, m.s. 171.

⁶⁷ Chong Thain Yun v. Watson, Hamid Datun v. Majanwil, Richard Yap v. Tun Datu Mustapha [1963] 1 M.L.J. 65.

⁶⁸ Ibid., m.s.

Masa dan tempat perbicaraan adalah ditetapkan oleh Hakim.⁶⁹ Sesuatu rayuan yang dibuat itu tidak boleh ditarik balik kecuali dengan kelulusan Hakim.⁷⁰ Sebelum kelulusan didapati, hendaklah dibuat 'affidavit' oleh pihak-pihak yang berkenaan dengan rayuan itu. Tiap-tiap 'affidavit' itu hendaklah menunjukkan tidak ada pakatan dibuat antara pihak-pihak untuk menarik balik rayuan itu. 'affidavit' perayu perlu menyebutkan alasan rayuan itu ditarik balik. Rayuan itu hendaklah ditandatangani oleh perayu atau peguamnya. Dalam kes Richard Yap v. Mustapha, perayu ingin menarik balik rayuannya.⁷¹ Mahkamah memutuskan bahawa Mahkamah paschati tidak ada persetujuan yang salah telah dibuat disini bila perarikan itu ingin dibuat. Perayu dibenarkan menarik balik rayuannya.

Diakhir perbicaraan mengenai rayuan pilihanraya itu, Hakim akan menentukan samada calon yang diadukan itu dipilih dengan sewajarnya atau tidak. Akuan akan dibuat kepada Suruhanjaya Pilihanraya ataupun kepada pihak Berkuasa Negeri.⁷²

Pada akhir perbicaraan itu juga Hakim akan memberi laporan kepada Suruhanjaya Pilihanraya atau pihak berkuasa Negeri, samada alasan salah atau alasan tidak jujur telah dilakukan.

⁶⁹Op. cit., No. 61, Peraturan 18.

⁷⁰Ibid., Peraturan 21.

⁷¹Richard Yap v. Mustapha [1968] 1 M.L.J. 65.

⁷²Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihanraya 1954, Seksyen 36.

Suruhanjaya Pilihanraya atau Pihak Berkuasa Negeri pula akan menyiar-
kan laporan itu di Warta Kerajaan.

Lain-lain Kesalahan

Kita telah meninjau beberapa perkara berhubung dengan
kesalahan-kesalahan pilihanraya. Juga telah dilihat bagaimana caranya
untuk mencabar sesuatu pilihanraya itu. Disatu masa, kita telah
juga meninjau akibat jika disabitkan dengan sesuatu kesalahan
pilihanraya itu.

Selain daripada beberapa peruntukan dalam Akta Kesalahan
kesalahan Pilihanraya 1954, terdapat juga undang-undang lain yang perlu
dipatuhi oleh seseorang itu, umpamanya seperti Akta Hasutan. Ada
beberapa perkara dalam Akta ini yang melarang membangkitkan perkara-
perkara yang sensitib. Ini boleh dikaitkan terutamanya pada masa
kampan pilihanraya.

Disini kita akan berpeluang meninjau satu persoalan
yang penting. Jika seseorang itu telah dipilih melalui pilihanraya,
kemudian ia disabitkan dengan sesuatu kesalahan. Adakah sabitan
ini menyebabkan kerusiya terkosong secara automatik.

Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan menyebutkan keadaan-
keadaan dimana seseorang yang hilang kelayakan menjadi ahli mana-mana
Majlis Parlimen, Perkara 50 pula menyebutkan akibat hilang kelayakan,
Perkara 53 menyebutkan keputusan tentang hilang kelayakan.

Persoalan ini sebenarnya telah dibangkitkan dalam kes Fan Yew Teng v. Setiausaha Dewan Rakyat.⁷³ Dalam kes ini, pihak yang mendakwa adalah seorang ahli Parlimen yang telah dipilih melalui pilihanraya 1974. Pada 13hb Januari 1975 ia telah disabitkan oleh Mahkamah Tinggi kerana kesalahan di bawah Akta Hasutan, didenda dua ribu ringgit atau enam bulan penjara. Beliau membuat rayuan, dengan surat bertarikh 4hb Februari 1975, pihak yang didakwa memberitahunya oleh kerana beliau telah disabitkan, beliau adalah menjadi tidak layak menurut perantukan Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya kerusinya menjadi kosong, kesudian Suruhanjaya Pilihanraya telah mengeluarkan arahan kepada Pengurus Pilihanraya supaya mengadakan pilihanraya kecil. Issue yang dibangkitkan dalam kes ini ialah sama ada sabitan pihak yang mendakwa itu boleh menyebabkan kerusinya kosong. Mahkamah disini memutuskan bahawa kerusinya tidaklah terkong secara automatik. Dia masih mempunyai hak supaya kedudukannya ditentukan oleh Dewan Rakyat. Selanjutnya Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh mengadakan pilihanraya itu atas alasan yang telah disebutkan.⁷⁴

Kes ini menunjukkan jika seseorang yang telah disabitkan oleh Mahkamah kerana kesalahan di bawah Akta Hasutan, sabitenya ini

⁷³ Fan Yew Teng v. Setiausaha Dewan Rakyat [1975] 2 M.L.J. 40.

⁷⁴ Per. Hakim Mohammad Azmi.

ini tidaklah menyebabkan kerusinya terkosong secara otomatis.
Orang itu masih mempunyai hak memilih kepada Dewan Rakyat yang akan menentukan kedudukannya itu nanti.

Kesimpulan.

Dengan ini jelaslah bahawa untuk menjamin sistem pilihanraya di Malaysia berjalan dengan baik dan bersih, maka telah diadakan satu undang-undang yang khas, undang-undang ini menetapkan perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai kesalahan-kesalahan pilihanraya. Sesiapa yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan yang bersemita itu boleh dihukum dengan bentuk-bentuk hukuman yang ada ditetapkan. Malah hal ini Mahkamah Pilihanraya menjadi satu badan yang penting yang berfungsi memastikan undang-undang itu dipatuhi dengan sewajarnya. Kes-kes pilihanraya yang telah dikaji itu menunjukkan bagaimana Mahkamah telah membuat tafsiran terhadap undang-undang yang berkenaan ini.

PENUTUP

Sistem pilihanraya yang diamalkan di Malaysia ini adalah satu sistem yang disebut sebagai 'first past the post system'. Sistem ini diamalkan sejak mula-mula diperkenalkan pilihanraya, hinggalah kemasa kini. Tidak ada percubaan yang dibuat untuk mengamalkan lain-lain corak sistem pilihanraya. Masa beredar, keadaan bertukar masaalah yang dihadapi juga menjadi semakin berubah. Masaalah yang dihadapi ketika mula-mula diperkenalkan pilihanraya dulu mungkin berubah pada masa ini. Kehendak keadaan pada masa itu mungkin berlainan dengan kehendak keadaan masyarakat masa ini. Oleh kerana itu, tiba pada sesuatu masa, sistem yang diamalkan ini perlu dikaji kembali. Perlu ditinjau kembali buruk dan baiknya. Satu penilaian perlu dibuat. Dimana yang baik, mungkin diteruskan. Tetapi jika ada kelemahan pada sistem atau perjalanan sistem yang ada, cadangan-cadangan perlu dikemukakan.

Kebaikan

Sistem pilihanraya yang diamalkan di Malaysia pada hari ini memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil mereka di Badan Perundangan seperti Dewan Rakyat dan Dewan Negeri. Melalui wakil-wakil inilah hasrat rakyat disuarakan.

Sistem pilihanraya di Malaysia boleh dianggap baik dari beberapa segi. Sistem ini memberikan kebebasan yang sewajarnya untuk rakyat memilih sesiapa yang mereka suka. Tidak ada paksaan

yang dikenakan. Selain dari itu undi yang dijalankan juga secara sulit. Oleh kerana ini rakyat berhak memilih sesiapa yang mereka suka, tanpa ugutan atau paksaan.

Dalam keadaan-keadaan tertentu hak merayu diberikan kepada sesiapa yang tidak bersetuju dengan perjalanan atau keputusan sesuatu pilihanraya yang diadakan itu. Terdapat beberapa kes-kes mahkamah yang membicarakan rayuan pilihanraya. Ini bermakna dalam keadaan tertentu Mahkamah sebagai satu badan kehakiman yang adil, memberikan keputusan yang sewajarnya.

Disamping itu ada perundangan yang menjamin supaya sistem pilihanraya dapat dijalankan dengan jujur dan bersih. Sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan pilihanraya boleh didakwa dan dihukum dengan sewajarnya. Ada beberapa kes-kes Mahkamah yang menunjukkan bagaimana pihak yang melanggar peraturan pilihanraya ini dihukum dengan sewajarnya.

Kelomahan/Cadangan

Tidak semua yang baik itu semata-mata baik. Dalam keadaan-keadaan yang tertentu terdapat juga buruknya. Lebih-lebih lagi pada satu sistem pilihanraya yang telah diamalkan sejak lama dulu. Keperluan kehendak masyarakat yang berubah mendedahkan kita kepada beberapa kelemahan pada sistem yang ada. Kelomahan yang perlukan cadangan untuk memperbaikinya.

A. Sistem

i) Kelemahan

Sistem yang kita amalkan sekarang yang disebut sebagai sistem 'first past the post' ialah satu sistem dimana seseorang calon yang ingin berjaya di dalam sesuatu pilihanraya tidak perlu mendapat lebih daripada separuh jumlah undi yang dibuang dalam sesuatu pilihanraya itu. Memadailah baginya mendapat kelebihan undi daripada lain-lain calon lawannya. Contohnya kita ambil keputusan pilihanraya Parlimen kawasan Kapar bagi tahun 1969:⁷⁵

Hamzah Alang (PERIKATAN)	- 7,781 undi
An Keng Wah (DAP)	- 6,734 undi
Awang Ansari (PAS)	- 3,420 undi

Disini menunjukkan tidak ada calon yang mendapat kelebihan undi separuh daripada undi yang dibuang. Tetapi calon Parti Perikatan, Hamzah Alang telah mendapat kelebihan undi daripada calon-calon lain. Oleh kerana ini ia dianggap sebagai memenangi pilihanraya itu.

Tetapi sistem serupa ini ada kelemahannya. Kelemahan ini lebih jelas lagi jika terdapat lebih daripada dua orang calon yang bertanding disesuatu kawasan pilihanraya itu. Kelemahan ini tidak

⁷⁵Malaysia, Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri 1969, Suruhanjaya Pilihanraya, Kuala Lumpur, 1972.

timbul jika terdapat 'satu lawan satu' (straight fight). Kelemahan ini boleh dijelaskan dengan mengambil contoh berikut. Ini ialah keputusan pilihanraya Parlimen 1969 bagi kawasan Alor Setar:⁷⁶

Lim Pee Hung	(PERIKATAN)	-	9,016 undi
Goh Teng Kheng	(GRM)	-	8,543 undi
Haron bin Omar	(PAS)	-	7,258 undi

Disini menunjukkan tidak ada calon yang mendapat kelebihan undi separuh daripada undi yang dibuang. Tetapi calon Parti Perikatan iaitu Lim Pee Hung, mendapat kelebihan undi daripada calon-calon yang lain. Oleh kerana ini ia dianggap sebagai memenangi pilihanraya itu. Disini walaupun beliau menang, tetapi beliau tidak dapat dikatakan sebagai mewakili majoriti terbanyak. Jika dicampurkan jumlah undi yang didapati oleh calon Parti Gerakan Rakyat Malaysia dan Parti Islam Semenanjung, akan menjadi 15,801 undi. Jumlah undi ini melebihi daripada jumlah undi yang didapati oleh calon yang menang tadi. Disini calon yang menang itu tidak dapat dikatakan sebagai mewakili golongan majoriti, sebaliknya ia boleh dikatakan sebagai mewakili golongan minoriti. Keadaan begini selalunya menghasilkan kesan yang kurang baik. Disini pihak yang menang itu tidak dapat dikatakan sebagai mempunyai kekuatan (force) yang sewajarnya. Ia mungkin tidak dapat menyuatkan hasrat majoriti tetapi sebaliknya menitikberatkan

⁷⁶Ibid.

kepentingan minoriti yang menyokongnya. Ini menjadikan rakyat dikawasan yang berkenaan itu tidak mendapat perwakilan yang begitu efektif.

Tugasnya sistem begini, kadangkala tidak dapat mewujudkan perwakilan majoriti yang efektif, ia tidak dapat mengimbangkan kepentingan golongan terbanyak. Dalam keadaan tertentu, golongan terbanyak ini tidak mendapat perwakilan yang sewajarnya.

ii) Cadangan

Kelengahan yang didapati dalam sistem tadi itu, boleh diatasi dengan mengikut satu sistem yang dipanggil Sistem Undi Pilihan (Alternative Vote System). Sistem ini boleh diamalkan dalam corak kawasan pilihanraya wakil tunggal (single member constituency). Sistem ini boleh menjanjikan, seseorang calon yang memenangi sesuatu kawasan pilihanraya itu mendapat undi majoriti yang mutlak.

Dalam sistem ini, pengundi diberikan sehelai kertas undi yang di atasnya terdapat nama-nama semua calon yang bertanding untuk sesuatu kerusi pilihanraya. Seseorang pengundi itu akan menempatkan calon itu menurut keutamaan pilihannya sendiri.

Umumnya ialah seperti berikut:

Calon	Undi
A	4
B	3
C	2
D	1
E	5

Disini pengundi meletakkan keutamaan kepada calon D, kemudian diikuti kepada calon C, seterusnya calon B dan A.

Selepai pengundian dibuat, kertas-kertas undi itu akan dikumpul dan dikira. Mula-mula calon yang diberikan keutamaan pertama akan dikira dan dijumlahkan, sekiranya terdapat calon yang mendapat undian majoriti yang mutlak ia akan diistiharkan sebagai menang. Tetapi jika tidak terdapat seorang pun calon yang mendapat undi majoriti mutlak maka, undian keutamaan yang berikut akan dikira pula. Begitulah seterusnya sehingga akhirnya didapati seorang calon yang betul-betul mendapat undi majoriti yang mutlak. Disini ia dianggap sebagai calon yang menang.

Penjelasan boleh dibuat dengan mengambil contoh berikut:

Katakanlah ketika undi, keutamaan pertama dikira dan dijumlahkan, hasilnya seperti berikut:

Calun	Undi
A	7,000
B	2,500
C	5,500
D	1,000
E	4,000

Disini tidak ada seorang pun calon yang mendapat undi majoriti yang mutlak, yang boleh dianggap sebagai menang. Oleh kerana itu terpaksa pula dikira undi keutamaan kedua, sebelum itu kita terpaksa menolak calon D kerana ia mendapat undian yang paling sedikit.

Katakanlah hasil selepas dikira undian keutamaan kedua ialah seperti berikut:

Calun	Undi
A	7,250
C	6,000
E	4,150
B	2,600

Disini juga tidak terdapat calun yang mendapat undi majoriti yang mutlak. Oleh kerana itu dikira pula undi keutamaan ketiga sebelum itu calun B terpaksa ditolak kerana mendapat undian yang paling sedikit:

Katakan hasil selepas dikira undian keutamaan ketiga ialah seperti berikut:

Calun	Undi
A	8,250
C	6,900
E	4,850

Disini juga tidak terdapat calun yang mendapat undi majoriti yang mutlak. Oleh kerana itu dikira undi keutamaan keempat, sebelum itu calun E pula terpaksa ditolak.

Katakanlah hasil selepas dikira undian keutamaan keempat ialah seperti berikut:

Calun	Undi
C	10,750
A	9,250

Disini akhirnya C akan diistiharkan sebagai memenangi pilihanraya yang diadakan itu. Ini adalah kerana ia mendapat undi majoriti. Begitulah bagaimana perjalanan sistem undian 'alternative voto' yang boleh menghasilkan calun yang mendapat sokongan majoriti.

B. Penyeliaan Pilihanraya

Pada masa ini penyeliaan pilihanraya dijalankan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Pilihanraya. Untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan, Suruhanjaya ini perlu diberikan kebebasan yang sewajarnya. Ini adalah untuk menjamin pilihanraya yang dijalankan itu benar-benar berfaedah dan tidak diperalatkan oleh mana-mana pihak. Di Malaysia, dalam beberapa hal, Suruhanjaya ini diberikan kebebasan dalam menjalankan fungsi-fungsinya. Tetapi didapati dalam tugas mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya, ia tidak diberikan kebebasan sepenuhnya. Disini ditetapkan, fungsi-fungsi Suruhanjaya cuma setakat memberi cadangan-cadangan sahaja. Proses persempadanan pun dibuat dengan menurut perinsip-perinsip yang ditetapkan oleh Perlembagaan. Cadangan-cadangan yang diberi oleh Suruhanjaya terpaksa dipertimbangkan oleh Dewan Parlimen. Ini menunjukkan dalam hal ini, Suruhanjaya telah tidak diberikan kebebasan yang sewajarnya.

Mungkin ada masanya cadangan itu terpaksa ditolak kerana tidak bersesuaian dengan polisi kerajaan yang memerintah. Ini terjadi pada Laporan Suruhanjaya mengenai persempadanan yang dibuat pada tahun 1960. Sepatutnya dalam hal ini Suruhanjaya diberikan kebebasan yang sewajarnya supaya ia tidak dapat dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Ini adalah perlu supaya pilihanraya yang dijalankan itu dapat memenuhi fungsinya dalam ertikata yang sebenarnya.

C. Persempadanan Kawasan-kawasan Pilihanraya

Peroses persempadanan kawasan-kawasan pilihanraya dibuat bagi sesuatu jangkamasa yang ditetapkan. Pada amnya perinsip-perinsip yang diikuti tidak banyak bezanya daripada sejak mula pilihanraya dijalankan. Faktor bahawa Malaysia mempunyai penduduk berbilang bangsa tidak pernah dititikberatkan. Kadangkala persempadanan kawasan yang dibuat itu lebih mirip kepada kepentingan kemudahan pentadbiran. Tegaknya sesuatu kawasan pilihanraya yang dibentuk itu menurut kepentingan dan kemudahan pentadbiran ditempat itu. Meremung kepada fungsi pilihanraya ialah untuk memberikan perwakilan yang sewajarnya kepada rakyat. Oleh kerana ini ada baiknya jika faktor kepentingan rakyat dititikberatkan.

Di Malaysia kita lihat kawasan luar-bandar lebih mundur daripada kawasan bandar. Pembangunan ekonomi dan sosial diluar-bandar perlu dipesatkan untuk diseimbangkan dengan kawasan bandar. Untuk menjamin hal ini dapat dijalankan, penduduk kawasan luar bandar perlu perwakilan yang efektif. Ini dapat dijalankan dengan

menambah kerusi atau lebih tepat lagi kawasan pilihanraya luar-bandar Suruhanjaya dalam mempersempadankan kawasan-kawasan pilihanraya patutlah memandang berat hal ini. Kawasan-kawasan pilihanraya luar-bandar perlu ditambah.

D. Pendaftaran

i) Umur Mengundi

Pada masa sekarang seseorang yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi hendaklah berumur dua puluh satu tahun ke atas. Hal ini pula disenak kembali. Umur kelayakan menjadi pengundi perlu direndahkan lagi menjadi lapan belas tahun. Ini adalah supaya ramai lagi rakyat dapat menggunakan hak ini. Seseorang yang telah berumur lapan belas tahun ke atas telahpun diakui halnya dan kedewasaannya dalam menggunakan pertimbangannya sendiri. Dari segi undang-undang orang ini sudah boleh membuat satu kontrak yang sah dan mengikat dirinya sendiri. Ia sudah boleh mendakwa dan didakwa di Mahkamah. Ini bermakna ia telah diiktiraf sebagai orang dewasa.

Dibeberapa negeri di Barat dan Amerika, umur kelayakan untuk mengundi ialah lapan belas tahun. Ini merupakan satu pengakuan yang perlu juga kita ikuti.

ii) Pendaftaran/Penyemakan

Pada masa ini pendaftaran dan penyemakan dijalankan pada sesuatu jangka masa yang tertentu dalam sesuatu tahun, ini ada keburukan. Masa yang diberikan adalah tidak begitu mencukupi untuk memberi

peluang kepada pengundi baru mendaftar dan penyemakan. Sepatutnya kerja pendaftaran dan penyemakan ini dibuat sepanjang tahun.

Selain daripada itu Suruhanjaya perlu menekankan kerja supaya proses pendaftaran dan penyemakan dapat dilicinkan. Pada masa pilihanraya 1974 didapati banyak tuduhan daripada pengundi yang namanya terdicir dari daftar pengundi. Ini menunjukkan betapa tidak licinya proses pendaftaran dan penyemakan ini dijalankan.

Suruhanjaya juga patut memikirkan teknik yang sewajarnya untuk mengelakan seorang pengundi dari mendaftar beberapa kali. Ini semua untuk menjamin perjalanan pilihanraya yang baik.

B. Perjalanan Pilihanraya

i) Undi Paksa

Pada masa ini ditetapkan bahawa pengundi bebas keluar mengundi mengikut suka hatinya sendiri. Ia boleh menggunakan hak ini ikut sukanya sendiri. Pengundi tidak dipaksa untuk keluar mengundi, oleh kerana ini terdapat pengundi-pengundi yang melalaikan tanggungjawabnya yang penting ini. Jika dilihat peratus pengundi yang keluar mengundi, tidak pernah mencapai 90 peratus ke atas. Berikut ialah senarai pengundi yang keluar mengundi:

	1959	1964	1969	1974
Peratus mengundi Dewan Rakyat	73.3	78.9	72	75.1
Peratus mengundi Dewan Negeri	74.3	78.9	71.3	75.4

Sumber: ¹⁹⁷⁴Dikumpul dari Buku Penyata Pilihanraya Umum
1959 - 1974.

Angka-angka itu menunjukkan masih ramai pengundi yang tidak menggunakan hak yang penting ini dengan sewajarnya. Memandangkan ini ada cadangan supaya setiap pengundi dipaksa untuk keluar mengundi. Namun pendapat ini menimbulkan hujah bahawa ini bercanggah dengan prinsip kebebasan pilihanraya yang memberikan kebebasan mengundi kepada pengundi. Jelasnya dalam soal ini menimbulkan satu pertelingkahan. Disatu pihak mahukan paksaan dikenakan. Dipihak yang lain tidak mahukan paksaan pula.

Walau bagaimanapun satu penyelesaian boleh diambil. Peratus pengundi yang keluar mengundi di negara Malaysia masih boleh dianggap tinggi. Malah dianggap sebagai diantara yang tertinggi dalam negara-negara di dunia. Peratus ini belum mencapai peratus yang rendah yang mencemaskan. Untuk masa ini dirasakan, prinsip undi paksa masih belum boleh dikenakan di Malaysia. Ia hanya boleh dikenakan dalam keadaan dimana peratus pengundi yang keluar mengundi begitu rendah.

ii) Penyerahan

Satu lagi perkara yang perlu diperhatikan ialah peratus

undi-undi yang rusak. Sebelum satu pertembungan dibuat, ada hal-hal yang dilihat angka-angka berikut yang menunjukkan peratus undi rusak:

	1959	1964	1969	1974
Undi Rosak (Dewan Rakyat)	1.1	4.2	4.9	4.4
Undi Rosak (Dewan Negeri)	2.5	4.8	6.5	5.2

Sumber: Bilangan dan Bilangan Buku Pengerjaan Pilihanraya
1959 - 1974.

Angka-angka ini menunjukkan bahawa perkara undi rosak ini tidak boleh dibiarkan. Kenapa hal seperti ini boleh terjadi perlu diteliti. Salah satu sebabnya mungkin kerana kejahilisan pengundi dalam membuat pengisian (memasukkan kertas undi). Jika ini sebenarnya, pihak Suruhanjaya Pilihanraya perlulah memberikan penasehahan kepada pengundi tentang cara-cara untuk mengundi supaya pengundi-pengundi lebih mendiamnya.

Keputusan

Malaysia telah mendapat pengalaman dari beberapa pilihanraya yang pernah diadanya. Kita telahpun mengetahui beberapa aspek yang menunjukkan kelemahan pada sistem yang wujud ini. Tetapi sistem yang ada ini tidak terlepas daripada mempunyai beberapa kelemahan. Kita telahpun mencadangkan beberapa perkara untuk mengatasinya.

Semoga sistem pilihanraya yang terkandung dalam
Perlonbagaan kita ini dapat terus memainkan peranannya sebagai alat
penyuaran hasrat rakyat.